


# KERTAS KERJA



# سَمِينار هاري كَبانْسان

## SEMINAR HARI KEBANGSAAN

Tema

PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA  
"20 TAHUN MERDEKA: PENCAPAIAN DAN HALA TUJU"

Anjungan

JAWATANKUASA TERTINGGI  
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-20  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelolaan Bersama

PUSAT SEJARAH BRUNEI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
&  
PERSATUAN SEJARAH BRUNEI (PESEBAR)

Tempat

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

"KESIHATAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:  
PERKEMBANGAN DAN STRATEGI"

oleh

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Awang Haji Momin



Tarikh

20-22 Muharram 1425 • 12-14 Mac 2004

# **KESIHATAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: PERKEMBANGAN DAN STRATEGI**

## **SINOPSIS**

Perkembangan kesihatan sejak tahun 1984 sehingga hari ini adalah hasil dari kemajuan dalam bidang sosio-ekonomi, pendidikan, ugama dan infrastruktur yang semuanya sama-sama menyumbang kepada meningkatnya kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini. Status kesihatan penduduk Negara Brunei Darussalam telah meningkat dan setanding dengan negara-negara yang telah membangun.

Penganugerahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam dengan Pingat Emas Presiden dari The Royal College of Surgeon, Edinburgh, Scotland pada 30 Jun 2000 adalah merupakan pengiktirafan antarabangsa tentang kurnia keprihatinan dan komitmen Baginda terhadap perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Anugerah tertinggi ini telah mencatat satu sejarah di negara ini dalam perkembangan dan kemajuan perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Pencapaian lain dari segi kesihatan termasuk peningkatan peruntukan kesihatan (peruntukan tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN)), pembangunan infrastruktur, perkembangan sumber tenaga manusia dan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Peningkatan peruntukan kesihatan dari tahun ke setahun adalah menunjukkan keutamaan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam terhadap sektor kesihatan. Namun, peningkatan ini juga menjadi satu cabaran terhadap kesihatan kerana ia menimbulkan isu mengenai samada sistem kesihatan di negara ini akan dapat bertahan.

Pembangunan infrastruktur kesihatan telah juga dapat dilaksanakan dalam menyalurkan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Usaha juga ditumpukan kearah penyediaan tenaga manusia yang berkelayakan dan berkemahiran melalui rancangan latihan lanjutan dalam bidang kesihatan dan perubatan. Pengiktirafan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha oleh University of Queensland dan Royal Colleges, United Kingdom bagi tujuan mengendalikan latihan-latihan dalam kepakaran juga adalah satu pencapaian dalam pembangunan sumber tenaga manusia.

Dalam menghadapi dua dekad akan datang, beberapa cabaran utama akan dihadapi oleh negara ini yang mana antara lainnya adalah seperti berikut:

- peningkatan kos pengurusan penjagaan kesihatan;
- penggunaan teknologi perubatan;
- perubahan corak penyakit dari penyakit berjangkit kepada penyakit kronik dan tidak berjangkit yang berhubungkait dengan cara hidup;
- perubahan demografi penduduk dimana dijangkakan meningkatnya penduduk warga tua;
- peningkatan ekspektasi penduduk bagi perkhidmatan kesihatan berkualiti dan bebanan yang tinggi kepada kerajaan terhadap penjagaan kesihatan.

Kementerian ini menggunakan Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara 2000 – 2010 sebagai landasan dengan mengambil kira perubahan-perubahan dan cabaran-cabaran yang akan mempengaruhi sistem penjagaan kesihatan dua dekad akan datang.

Perancangan-perancangan yang digariskan dalam kertas kerja ini memberikan penekanan mengenai hala-tuju strategik yang diperlukan bagi memperkembangkan lagi penjagaan kesihatan dinegara ini. Bidang-bidang utama itu ialah:

- Peningkatan efisiensi sektor kesihatan;
- Memberikan keutamaan kepada pelanggan;
- Peningkatan kualiti perkhidmatan;
- Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi;
- Pengurangan kadar kejadian penyakit-penyakit berjangkit dan bukan berjangkit.

Promosi kesihatan dan pencegahan penyakit adalah merupakan teras bagi dasar penjagaan kesihatan dinegara ini. Dalam pada itu, penglibatan daripada orang ramai dalam memelihara dan meningkatkan tahap kesihatan adalah antara perkara penting.

Kementerian ini memerlukan tambahan peruntukan kewangan, sumber dan keupayaan tenaga manusia, dan komitmen daripada semua peringkat pegawai dan kakitangan Kementerian ini. Ianya juga memerlukan kerjasama dan sokongan dari agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, sektor swasta, dan orang awam. Insya Allah dengan terlaksananya perancangan-perancangan yang disusun, visi Kementerian Kesihatan untuk menjadi sebuah organisasi yang terbaik dirantau ini dan untuk mencapai kualiti kehidupan yang tinggi akan dapat dicapai.

## **1. PENDAHULUAN**

Kehidupan yang sihat dan sempurna adalah menjadi idaman setiap insan yang bernyawa. Kearah mencapai kehidupan yang sihat dan bagi memantapkan kesihatan penduduk negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan melalui Kementerian Kesihatan akan terus berusaha menyediakan program penjagaan kesihatan yang komprehensif, bertaraf tinggi dan kos efektif dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek pencegahan, penggalakan, perawatan dan penyembuhan. Di samping Kerajaan, pihak swasta juga digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan bagi rakyat dan penduduk. Kementerian Kesihatan telah dapat melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan yang telah membolehkan rakyat dan penduduk negara ini menikmati tahap kesihatan yang tinggi dan ini adalah hasil dari kemajuan dalam bidang sosio-ekonomi, pendidikan, ugama dan infrastruktur yang semuanya sama-sama menyumbang kepada meningkatnya kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini. Kemajuan-kemajuan ini dapat dicapai dengan adanya keamanan yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Penganugerahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam dengan Pingat Emas Presiden dari The Royal College of Surgeon, Edinburgh, Scotland pada 30 Jun 2000 adalah merupakan pengiktirafan antarabangsa tentang kurnia keprihatinan dan komitmen Baginda terhadap perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Anugerah tertinggi ini telah mencatat satu sejarah di negara ini dalam perkembangan dan kemajuan perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

## **2. STATUS KESIHATAN**

Status kesihatan penduduk Negara Brunei Darussalam telah meningkat sejak 20 tahun yang lalu, dengan mencapai petunjuk-petunjuk kesihatan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, seperti kadar kematian anak damit yang menurun daripada 12.8 dalam setiap 1000 kelahiran pada tahun 1984 kepada 8.3 pada tahun 2002.

manakala kadar kematian ibu bagi setiap 1,000 kelahiran hidup adalah amat rendah iaitu 0.3 bagi tahun 2002. Kadar kematian bagi kanak-kanak dibawah umur 5 tahun juga menurun kepada 10 orang bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2002 berbanding 16.0 pada tahun 1984. Jangka hayat pada tahun 1984 adalah 69.7 tahun dan pada tahun 2002 jangka hayat bagi lelaki ialah 73.5 tahun dan perempuan 76.1 tahun. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Negara Brunei Darussalam terletak di tangga ke 40 dari segi pencapaian kesihatan dibandingkan dengan 191 negara-negara di dunia, ke 4 di Rantau Pasifik Barat dan ke 2 di rantau ASEAN.

Kejadian penyakit-penyakit berjangkit di negara ini, Alhamdulillah telah menurun dan dapat dikawal. Negara ini telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bebas dari penyakit malaria pada tahun 1987, dan bebas dari penyakit polio pada tahun 2000.

## **2.1 Kadar Kematian**

Kadar kematian sejak 30 tahun kebelakangan menunjukkan penyakit-penyakit berjangkit seperti tibi dan pneumonia bukan lagi menjadi punca utama kematian di negara ini, akan tetapi penyakit kronik seperti penyakit jantung dan kanser adalah penyebab kepada 37% jumlah kematian yang dilaporkan (tahun 2002). Selain dari itu penyakit Serebovaskular, Penyakit Kencing Manis, Bronkitis dan Asma, Kemalangan melibatkan kenderaan dan Penyakit Darah Tinggi juga di lapurkan sebagai angka kematian yang tinggi. Penyakit-penyakit yang dinyatakan adalah mencerminkan taraf kehidupan dan cara hidup moden penduduk di negara ini.

## **2.2 Morbiditi**

Penyebab-penyebab utama morbiditi pesakit dalam (*single*) bagi tahun 2002 menunjukkan '*Pregnancy with Abortive Outcome*' sebagai masalah teratas diikuti dengan penyakit pernafasan akut (*upper and lower*), asma, penyakit jantung dan '*Gastroentritis*' ataupun cirit birit. Manakala data sehingga tahun 1987 menunjukkan masalah jangkitan pernafasan (*upper*), '*Gastroentritis*' ataupun cirit birit, asma, bronkitis dan empysema, kemalangan melibatkan kenderaan dan jangkitan masalah pernafasan (*lower*) sebagai lima (5) masalah tertinggi.

### **3 PENCAPAIAN**

Pencapaian Kementerian Kesihatan dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang lalu akan disampaikan dalam empat tema ia itu:

1. Peruntukan kewangan;
2. Perkembangan infrastruktur;
3. Perkembangan Sumber Tenaga Manusia; dan
4. Pencapaian perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

#### **3.1 Peruntukan Kewangan**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan sejumlah besar peruntukan kesihatan sebagai satu keutamaan bagi perkhidmatan kesihatan dan perubatan di negara ini. Peruntukan Kesihatan bagi tahun 1984 adalah sebanyak B\$76 juta ataupun 4.47% pada keseluruhan peruntukkan kerajaan pada tahun yang sama. Jumlah ini meningkat naik dari tahun ketahun hingga tahun 2002 di mana peruntukkan kesihatan mencapai B\$215.9 juta (6.64% dari jumlah keseluruhan peruntukan kerajaan) iaitu peningkatan sebanyak 65% atau peningkatan peratus tahunan sebanyak 3.6%. Peruntukan daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) pada tahun 1984 adalah sebanyak 0.94% dan naik kepada 2.81% pada tahun 2002 manakala peruntukan per kapita pada tahun 1984 ialah B\$360.00 dan meningkat naik pada tahun 2002 sebanyak 43% kepada B\$634.00. Belanjawan Kementerian Kesihatan meningkat sebanyak 66% atau peningkatan peratus tahunan sebanyak 3.9% daripada B\$68.02 juta pada tahun 1984 kepada B\$202.58 juta pada tahun 2001. Belanjawan daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) pada tahun 2001 ialah 2.66% berbanding dengan 0.84% pada tahun 1984 manakala belanjawan per kapita pada tahun ini juga ialah B\$322.00 dan telah meningkat sebanyak 47% kepada B\$609.00 pada tahun 2001.

Tren peruntukkan dan belanjawan Kementerian Kesihatan menunjukkan kenaikan yang lebih kurang seiring dalam masa lebih 10 tahun kebelakangan, daripada 1990 hingga 2001. Tren ini juga membayangkan penjimatan dari segi peruntukkan

tahunan mulai 1997 sementara belanjawan Kementerian Kesihatan pada waktu yang sama mencerminkan usaha kementerian ini untuk menselaraskan dengan penjimatan tersebut.

Sejak 1984 lagi sejumlah besar iaitu 50% – 60% daripada belanjawan Kementerian Kesihatan digunakan untuk pembayaran gaji kakitangan. Sementara yang selebihnya iaitu kira-kira 40% digunakan dalam peruntukan berulang-ulang tahunan dan 2 – 8% pula dalam belanjawan khas.

Perbelanjaan yang semakin meningkat dari tahun ketahun adalah merupakan cabaran yang amat besar kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam dan ini menimbulkan isu samada sistem kesihatan dinegara ini akan dapat bertahan pada tahap kualiti pada masa ini atau tahap kualiti yang meningkat. Lebih 95% daripada perbelanjaan Kementerian Kesihatan adalah dibiayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam. Pihak Kementerian Kesihatan pada masa ini sedang membuat kajian bagi menerokai sumber-sumber alternatif pembiayaan kesihatan yang lain selain daripada peruntukan kerajaan seperti Pelan Takaful Kesihatan Kebangsaan (Pelan Insurans Kesihatan Kebangsaan) dan lain-lain. Ini adalah bertujuan bagi membolehkan sistem kesihatan yang akan datang akan lebih berdaya tahan ("sustainable").

### **3.2 Infrastruktur**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan peruntukkan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) bagi projek-projek perkembangan infrastruktur kesihatan dan perubatan.

Peruntukkan Pelan Pembangunan bagi perkhidmatan kesihatan dan perubatan dalam Rancangan Kemajuan Negara telah meningkat daripada BS52.6 juta (1.4%) bagi RKN ke-5 (1986-1990) kepada BS103.2 juta (1.9%) bagi RKN ke-6 (1991-1995) dan meningkat lagi kepada BS211.7 juta (2.9%) bagi RKN ke-7 (1996-2000).



Manakala bagi RKN ke-8 (2001-2005), peruntukkan yang disediakan adalah meningkat lagi kepada B\$236.7 juta.

Pembangunan infrastruktur kesihatan telah dapat dilaksanakan dan dilihat dengan terbinanya Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dalam tahun 1984, di ikuti dengan hospital di daerah-daerah dan pusat-pusat kesihatan yang dilengkapi dengan peralatan yang terkini. Kemudahan-kemudahan lain seperti Pusat Pergigian Negara, Pejabat-Pejabat Kesihatan, Pusat Dialisis, Bangunan Kementerian Kesihatan dan Bangunan Perkhidmatan Makmal Saintifik juga telah dibangunkan.

### **3.3 Perkembangan Sumber Tenaga Manusia**

#### **3.3.1. Jumlah Doktor-Doktor Tempatan**

Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan usaha ke arah penyediaan tenaga manusia yang berkelayakan dan berkemahiran. Rancangan latihan dalam bidang kesihatan telah menghasilkan kejayaan dengan bertambahnya bilangan doktor yang meneruskan pengajian ke peringkat latihan pengkhususan tinggi. Pada masa ini terdapat seramai 119 orang doktor tempatan, 18 orang pakar tempatan dan 27 orang doktor pergigian tempatan dari jumlah 340 doktor dan 43 doktor pergigian yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan, dan dijangkakan bilangan pakar tempatan akan meningkat kepada dua kali ganda pada tahun 2007.

#### **3.3.2 Pengiktirafan Latihan-Latihan**

Dalam meningkatkan perkembangan tenaga kerja, dari segi program latihan perubatan lanjutan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah diiktiraf oleh University of Queensland, Australia sebagai salah sebuah institusi pendidikan perubatan universiti tersebut. Begitu juga dengan pengiktirafan bagi mengendalikan latihan lanjutan lain dari Royal College of Physicians, United Kingdom, Royal College of Surgeons, Edinburgh, Royal College of Obstetric and Gynaecology dan Royal College of Paediatrics and Child Health, London, bagi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

### **3.3.3 Latihan Professionalisma**

Satu lagi langkah dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan asasi, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam dan St. George's Hospital Medical School, London telah mengendalikan kursus tiga tahun separuh masa bermula Februari 2000 dalam bidang Diploma Lepas Ijazah Dalam Penjagaan Kesihatan Asasi (Postgraduate Diploma in Primary Health Care) bagi doktor-doktor yang berkhidmat di negara ini. Seramai 12 orang doktor mengikuti pengambilan pertama (2000 – 2002) dan 11 orang doktor pengambilan kedua (2001 – 2003). Mulai 2004 kursus ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Institut Perubatan, Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

Pusat Pergigian Negara juga telah diiktiraf sebagai pusat latihan amali oleh Kolej Latihan Pergigian Pulau Pinang bagi kursus Diploma Terapis Pergigian dan Diploma Juruteknik Pergigian.

Program Continuing Medical Education (CME) secara tetap dilancarkan pada 27 November 1998. Program khusus bagi pegawai-pegawai perubatan di Perkhidmatan Pesakit Luar telah bermula pada tahun 2000. Di antara objektif skim ini ialah untuk memastikan doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Swasta menyertai aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kecekapan dan tahap profesional mereka, dan dengan itu penjagaan kesihatan asasi berkualiti tinggi dapat diberikan kepada orang ramai. Melalui program ini para doktor mendapatkan maklumat tentang perkembangan terkini dalam bidang perubatan dan teknologi berkenaan dan juga dalam pegurusan dan rawatan penyakit berkenaan.

Jawatankuasa Resusitasi kebangsaan telah ditubuhkan pada 27 Julai 2000, bagi merancang, mengendali, memantau dan menilai kursus-kursus resusitasi.

### **3.4 Perkembangan Dan Pencapaian Perkhidmatan**

Dengan bertambahnya bilangan doktor-doktor dan graduan-graduan tempatan, Kementerian Kesihatan telah mampu memperkembangkan perkhidmatan-perkhidmatan baru dalam berbagai bidang seperti ortholaryngologi, laparoscopi,

reumatologi, onkologi dan pembedahan dengan perkhidmatan bantuan seperti podiatri, pemulihan pertuturan, psikologi klinikal, dan sebagainya.

Dalam usaha untuk memperolehi tahap rawatan kesihatan yang lebih selesa dan sesuai, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei telah menandatangani satu perjanjian usaha sama antara Pusat Perubatan Jerudong Park bersama sebuah kumpulan luar negeri yang bereputasi tinggi untuk menubuhkan sebuah pusat jantung di negara ini. Perjanjian ini membolehkan para pesakit untuk menerima rawatan penyakit jantung di dalam negeri di semua peringkat penjagaan termasuk rawatan "angioplasty" dan pembedahan "open heart" yang sebelum ini hanya diperolehi diluar negari. Usaha ini telah dapat memberikan manfaat termasuk boleh meringankan beban perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh keluarga para pesakit. Pusat Jantung ini diharapkan menjadi sebuah pusat yang bereputasi tinggi yang akan turut menarik pesakit-pesakit dari luar negeri, bukan sahaja dirantau ini malahan juga dari luar rantau disamping dengan kehadirannya itu dapat pula menyumbang kepada ekonomi negara. Setakat ini lebih dari 100 pesakit telah menjalani pembedahan dan rawatan di Pusat Jantung ini.

Beberapa kes seperti kanser maseh lagi dihantar keluar negeri. Kementerian ini mengambil langkah-langkah bagi rawatan pesakit kanser sepenuhnya diadakan dinegara ini. Kementerian ini sedang merancang dari segi melatih doktor-doktor tempatan keperingkat pakar dan menyediakan peralatan yang diperlukan.

Program Penjagaan Kesihatan Asasi juga ditingkatkan dengan menambah pusat-pusat kesihatan di Daerah Brunei Muara daripada 2 kepada 7 buah, di Daerah Belait daripada sebuah kepada 3 dan di Daerah Tutong kepada 4. Penubuhan pusat-pusat kesihatan ini telah dapat meningkatkan "accessibility" dan "efficiency" dalam penyampaian penjagaan kesihatan asasi.

## 4. PERANCANGAN

Dalam menghadapi dua dekad akan datang, beberapa cabaran utama akan dihadapi oleh negara ini yang mana antara lainnya adalah seperti berikut:

- peningkatan kos pengurusan penjagaan kesihatan;
- penggunaan teknologi perubatan;
- perubahan corak penyakit dari penyakit berjangkit kepada penyakit kronik dan tidak berjangkit yang berhubungkait dengan cara hidup;
- perubahan demografi penduduk dimana dijangkakan meningkatnya penduduk warga tua;
- peningkatan ekspektasi penduduk bagi perkhidmatan kesihatan berkualiti dan bebanan yang tinggi kepada kerajaan terhadap penjagaan kesihatan.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran ini, Kementerian Kesihatan telah menyediakan "Rancangan Penjagaan kesihatan Negara bagi jangka masa sepuluh tahun bermula dari 2000 hingga 2010. Rancangan tersebut secara umumnya melibatkan penelitian semula dan merumuskan arah tuju Kementerian Kesihatan terhadap pencapaian dasar dan matlamat negara mengenai penjagaan kesihatan.

Dalam mengatur perancangan-perancangan 20 tahun yang akan datang iaitu sehingga tahun 2023, Kementerian ini menggunakan Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara 2000 – 2010 sebagai landasan dengan mengambil kira perubahan-perubahan dan cabaran-cabaran yang akan mempengaruhi sistem penjagaan kesihatan dua dekad akan datang.

### Visi

Visi Kementerian Kesihatan ialah untuk sentiasa berusaha dengan gigih menjadi sebuah organisasi yang memberi perkhidmatan kesihatan bereputasi tinggi dan sebanding dengan yang terbaik di rantau ini, serta membolehkan setiap rakyat dan penduduk mencapai kualiti kehidupan yang tinggi, produktif dari segi sosial, ekonomi dan mental di sepanjang hayat.

## **Misi**

Misi Kementerian Kesihatan ialah untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui sistem penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dan komprehensif, efektif, efisien, responsif, mampu dibiayai, saksama dan mudah diperolehi oleh semua di negara ini.

Perancangan-perancangan yang digariskan dalam kertas kerja ini memberikan penekanan mengenai hala-tuju strategik yang diperlukan bagi memperkembangkan lagi penjagaan kesihatan dinegara ini. Bidang-bidang utama itu ialah:

- Peningkatan keefisienan sektor kesihatan;
- Memberikan keutamaan kepada pelanggan;
- Peningkatan kualiti perkhidmatan;
- Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi;
- Pengurangan kadar kejadian penyakit-penyakit berjangkit dan bukan berjangkit.

Untuk mencapai penjagaan kesihatan dalam bidang-bidang utama diatas, Kementerian ini mempunyai beberapa program diberbagai bidang dalam mana antara lainnya adalah seperti berikut:

- i. Projek 'One Stop Health Care';
- ii. Projek 'Think Health';
- iii. Pembangunan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak;
- iv. Pengurusan rawatan penyakit-penyakit kronik dan masalah kesihatan utama seperti penyakit jantung, kanser dan diabetis;
- v. Pengawasan (surveillance) penyakit-penyakit berjangkit baru dan yang muncul semula;
- vi. Projek Mengutamakan Pesakit (Patient First);
- vii. eKesihatan;
- viii. Pembangunan keupayaan, latihan dan pembangunan sumber tenaga manusia;

- ix. Perkhidmatan Perubatan Pemulihan (Rehabilitation Medicine);
- x. Pembangunan Pusat Onkologi yang mempunyai perkhidmatan radiotherapy;
- xi. Pengkorporatan dan penswastaaan sektor penjagaan kesihatan;
- xii. Program-program kecemerlangan perkhidmatan;
- xiii. Penggubalan Akta, Perintah Kesihatan dan mengukuhkan peranan pengawalan Kementerian kesihatan;
- xiv. Pelan Takaful Penjagaan Kesihatan;
- xv. Perkhidmatan-perkhidmatan perubatan baru seperti pemindahan organ (transplant), genetik, perubatan nuklear dan pembedahan robotik (robotic surgery).

Sebahagian dari program-program diatas adalah sedang dalam pelaksanaan.

Pelaksanaan perancangan-perancangan yang dirangka bagi Kementerian ini memerlukan tambahan peruntukan kewangan, sumber dan keupayaan tenaga manusia, dan komitmen daripada semua peringkat pegawai dan kakitangan Kementerian ini. Ianya juga memerlukan kerjasama dan sokongan dari agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, sektor swasta, dan orang awam.

Promosi kesihatan dan pencegahan penyakit adalah merupakan teras bagi dasar penjagaan kesihatan di negara ini. Untuk meningkatkan kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, rancangan kehidupan sihat hendaklah disepadukan kepada kehidupan seharian. Penglibatan daripada orang ramai dalam memelihara dan meningkatkan tahap kesihatan adalah antara perkara penting. Kita selalu mendengar ungkapan "health is everyones's business". Banyak penyakit-penyakit yang dihadapi seperti kanser, penyakit jantung, strok dan diabetes boleh dicegah dari awal-awal lagi.

Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mesti mengetahui bahawa peningkatan kesihatan mereka tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan rawatan sahaja. Seseorang rakyat atau penduduk yang bermaklumat mesti memberikan komitmen sepenuhnya kepada mengamalkan carahidup yang

sihat dan meninggalkan tabiat yang berisiko tinggi. Mereka mesti makan secara bijaksana ( memakan makanan yang mengandungi rendah lemak, tinggi serat. Rendah garam dan rendah kalori ), selalu bersenam, mengawal berat badan, tidak merokok dan lebih sedar tentang keselamatan.

Dengan mengamalkan cara hidup yang sihat akan membolehkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk menikmati kehidupan sepenuhnya, hidup hingga keumur tua secara sihat, dan mengekalkan kebolehan ('faculty') fizikal dan mental secara maksima hingga keakhir hayat, Insya Allah.

Insya Allah dengan terlaksananya perancangan-perancangan yang disusun, visi Kementerian Kesihatan untuk menjadi sebuah organisasi yang terbaik dirantau ini dan untuk mencapai kualiti kehidupan yang tinggi akan dapat dicapai.